



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 22 APRIL 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TERUSKAN AMALAN AGIH BUBUR LAMBUK, NASIONAL, SH -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	70KG UDANG KETAK TANPA PERMIT DIRAMPAS, LOKAL, HM -5 SELUDUP 70KG UDANG KETAK INDONESIA, NEGARA, KOSMO -14 TWO FISHY HAULS LEAD TO ARRESTS IN TWO STATES, NATION, THE STAR -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	DUO DETAINED OVER FISH BOMBING ACTIVITY, HOME, BORNEO POST (KK) -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	GESA MAFI CAMPUR TANGAN ATASI BENIH PADI LAMBAT, LOKAL, HM -26 PETANI DAKWA 'ORANG DALAM' LINDUNGI PEMBEKAL BENIH PADI, MUKA DEPAN, BH -1 300 PETANI RUGI RIBUAN RINGGIT BENIH PADI LEWAT DITERIMA, NASIONAL, BH -8 'NAFAS PATUT SIMPAN STOK BENIH SATU MUSIM', NASIONAL, BH -8	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10. 11. 12. 13.	TAMBAH LAGI BARANGAN KAWALAN, KATA BEKAS MENTERI, MALAYSIA KINI -ONLINE KERAJAAN BUKAN MAHU ANAIAYA PENIAGA, DALAM NEGERI, UM -3 AGROPRENEUR PROGRAMME ENCOURAGES SELF-RELIANCE, NEWS, THE STAR -2 PARENTS URGED TO WORK WITH ORGANISATIONS TO UNEARTH DISABLED CHILDREN'S POTENTIAL, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Teruskan amalan agih bubur lambuk

Tradisi MAFI setiap tahun, melibatkan 1,300 penerima

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

**PUTRAJAYA**

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengagihkan bubur lambuk kepada 1,300 penerima sebagai juadah terbuka puasa melalui Program Pengagihan Bubur Lambuk.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, program tersebut adalah amalan tradisi yang dijalankan setiap tahun kecuali pada tahun lalu ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Kini amalan tersebut di-teruskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan,” katanya pada si-

andang akhbar Program Pengagihan Bubur Lambuk di perkarangan Wisma Tani di sini pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Timbalan Menteri Pertanian, Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Sementara itu, Ronald berkata, bubur lambuk dipilih sebagai sajian pada bulan Ramadan kerana ia sinonim dengan amalan masyarakat yang menzahirkan pemberian makanan tersebut kepada saudara-mara dan jiran tetangga.

“Satu keunikan di Malaysia, setiap kali bulan Ramadan, bubur lambuk pasti menjadi sajian wajib terbuka puasa, malah turut diagih-agihkan kepada jiran, sanak saudara dan ramai lagi,” katanya.

Menurutnya, hidangan tersebut mempunyai keistimewaan dan keunikannya tersendiri



Ronald (dua dari kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada warga kerja kementeriannya sempena Ramadan di Wisma Tani, Putrajaya pada Selasa.

kerana cara masakannya yang berlainan mengikut negeri.

“Bubur lambuk adalah hidangan yang unik daripada beras, campuran rempah ratus dan sayur-sayuran seperti paku paku midin,” jelasnya.

Selain itu, Ronald berkata, Program Pengagihan Bubur Lambuk merupakan amalan tradisi yang signifikan kerana ia melambangkan perpaduan dan kesepakatan menerusi ma-

kanan yang menyatukan rakyat Malaysia.

“Walaupun berbeza bangsa, budaya dan agama, namun perbezaan itu diraikan dan diterima oleh kita semua sebagai rakyat Malaysia.”

“MAFI percaya dengan diplomasi makanan sebagai satu kaedah untuk kita memperkenalkan kekayaan budaya makanan Malaysia kepada dunia,” menurutnya.

Program berkenaan dianjurkan oleh MAFI bersama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Seramai 1,300 penerima bubur lambuk terdiri daripada kakitangan kementerian dan 50 pelajar Tahfiz Maahad Darul Muqri Rawang serta Maahad Tahfiz Addirrasah Seremban.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2021	HARIAN METRO	LOKAL	5

# 70kg udang ketak tanpa permit dirampas

**Iskandar Puteri:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menggagalkan cubaan membawa masuk bekalan udang ketak sebanyak 70 kilogram bernilai RM8,400 tanpa permit di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini, Isnin lalu.

Pengarah Maqis Johor, Hizzuan Hasim berkata, rampasan itu dibuat selepas pemeriksaan terhadap kontena membawa bekalan jenis ikan dan udang dari

Indonesia, pada jam 3 petang.

Menurutnya, pemeriksaan menemui 70 kilogram udang ketak bernilai RM8,400 di kontena berkenaan yang dibawa tanpa permit import.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah akta berkenaan,” katanya.

## Seludup 70kg udang ketak Indonesia

**ISKANDAR PUTERI** – Seorang ejen penghantaran ditahan selepas disyaki cuba menyeludup masuk udang ketak sejuk beku dari Indonesia seberat 70 kilogram (kg) di Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini Isnin lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Hizzuan Hasim berkata, udang ketak tersebut dikesan ketika pihaknya membuat pemeriksaan terhadap sebuah kontena pada pukul 3 petang.

Katanya, penguat kuasa memeriksa sebuah kontena membawa masuk pelbagai jenis ikan sejuk beku antaranya ialah udang ketak sejuk beku sebanyak 70kg bernilai RM8,400.

"Siasatan mendapati udang

ketak itu tidak mempunyai permit import. Ejen penghantaran itu kemudian dibebaskan selepas keterangannya diambil," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kes disiasat di bawah seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya.

Beliau turut menasihati semua pengimport dan pengeksport agar mengikut peraturan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan Malaysia terpelihara.



**SEBAHAGIAN** daripada 70kg udang ketak yang dirampas Maqis di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri Isnin lalu.

# Two fishy hauls lead to arrests in two states

By **STEPHANIE LEE**  
and **REMAR NORDIN**  
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** The authorities in Sabah and Johor have seized a total of 140kg of sea products in two separate incidents.

In Sabah, a routine sea patrol and check on fishermen off Semporna district led to the discovery of over 70kg of fish caught using explosives.

The fish were seized from two men near Bum-Bun Island at about 4.30pm on Tuesday.

Semporna Marine Police operations base commanding officer Deputy Supt Mohammad Ismail said the fishermen, in their 30s, were asked how they got a big catch.

"Further questioning led to the

suspects admitting that they used fish bombs," he said.

He said the fish, worth RM8,170, were confiscated along with two reels of hose, a compressor, two pump engines and a boat.

The suspects will be investigated under the Fisheries Act 1985 for possessing fish caught using explosives.

"We welcome any information relating to crime at sea," he said, adding that the police could be contacted at 013-283 1197.

In Iskandar Puteri, the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized about 70kg of frozen slipper lobsters worth RM8,400 at the Port of Tanjung Pelepas.

Johor Maqis director Hizuan Hashim said the lobsters were

imported from Indonesia and seized during a routine inspection at the port at about 3pm on Tuesday.

"The inspection was made on a frozen fish container and investigations revealed that the slipper lobsters were brought in without an import permit.

"All the lobsters were then confiscated for investigations," he said in a statement.

He added that the case was being investigated under Section 11(1) of the Malaysia Quarantine and Inspection Services 2011 (Act 728) for importing agricultural products without valid documents.

He said that a person could be fined not more than RM100,000 or jailed for a period not exceeding six years, or both, if convicted under the Act.



**Illegal catch:** The fish caught using explosives and other items seized from two men off Sabah waters.

Headline	Duo detained over fish bombing activity		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	22 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 859
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,576



## Duo detained over fish bombing activity

**SEMPORNA:** Marine Police Force detained two men and seized 70kg of bombed fish from a pump-boat at the waters of Kampung Terusan, Bum Bum Island on Tuesday.

Semporna Marine Police Operations Headquarters commanding officer, DSP Mohammad Ismail said at about 4.30 pm, marine personnel acting on information from the public went to the sea area of Kg Terusan.

Arriving at the location, he said a pump-boat was seen with two adult men in a suspicious manner. The pump-boat was detained and the results of the inspection on the boat found about 70kg of fish of various types.

As a result of a brief interrogation conducted on the skipper, it was found that the fish was caught using explosives. The suspect and the illegally caught fish were taken to the Semporna Marine Police Force Base for an offense under Section 26(1)(c) of the Fisheries Act 1985, for catching fish using explosives.

He said the two Sea Bajau men, each in their 30s, from Kampung Halo Semporna were detained



Marine personnel inspecting the pump-boat with the two men and the fish caught using explosives.

along with seizures of two pump engine units, 70kg of various types of fish, two reels of hose, one compressor unit, one jerry-can, a set of leg-fins, two propeller shaft units and a blue pump-boat. The total value of the seizure is estimated at RM8,170. Arrests and seizures were handed over to the

Semporna Fisheries Department for further investigation.

He urged the maritime community to report any illegal activities directly to the 24-hour line or using the WhatsApp application to the Sabah PPM Communication Centre at 013-283 1197.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2021	HARIAN METRO	LOKAL	26

# Gesa Mafi campur tangan atasi benih padi lambat

**Georgetown:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) digesa campur tangan bagi mengatasi masalah kelewatan pengedaran benih padi yang dihadapi petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Kedah ketika ini.

Ia susulan dakwaan lebih 30,000 daripada 57,635 petani di kawasan Mada gagal melakukan penanaman benih sehingga kini yang sepatutnya dilakukan pada 1 April lalu berikutan kelewatan berkenaan.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) Mohideen Abdul Kader berkata, CAP kesal dengan kegagalan pihak bertanggungjawab bagi menguruskan keperluan itu kepada petani.

Katanya, CAP bimbang,



jika masalah berterusan, ia bukan saja menjejaskan petani malah menggugat bekalan makanan dan ekonomi negara.

“Kerajaan diminta menyalurkan bantuan atau memberi pampasan kepada petani yang mengalami kelewatan mengusahakan sawah mereka.

“Ia bagi menampung perbelanjaan berikutan sumber pendapatan mereka terjejas,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

# Petani dakwa 'orang dalam' lindungi pembekal benih padi

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Alor Setar:** Pihak berkuasa diminta menyiasat kemungkinan ada orang dalam yang melindungi syarikat pembekal benih padi sah yang dilantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang kini lewat diterima oleh pesawah.

Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain, berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seharusnya mengetahui perkara berkenaan kerana syarikat pembekal benih padi sah terbabit dilantik oleh kerajaan.

Katanya, pihaknya dimaklumkan ketika ini terdapat sembilan syarikat pembekal yang bertanggungjawab membekalkan benih padi sah kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang kemudian mengedarkannya kepada petani.

"Masalah ini boleh dikatakan berlaku setiap musim dan NAFAS hanya dapat mengatakan benih padi sah tidak cukup kerana masalah syarikat pembekal, jika syarikat pembekal bermasalah, kenapa masih dilantik?"



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	2

# 300 petani rugi ribuan ringgit benih padi lewat diterima

**Pesawah terpaksa bayar upah membajak dua kali**

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Yan:** Kelewatan benih padi diterima menyebabkan lebih 300 petani di Kampung Dulang Kechil, di sini, menanggung kerugian ribuan ringgit selepas terpaksa membayar upah membajak sawah dua kali.

Petani, Mohd Ahdzair Lazim, 60, mendakwa sudah mengeluarkan wang sebanyak RM700 bagi membajak sawahnya seluas kira-kira tiga hektar.

"Saya ingatkan benih padi akan sampai awal bulan ini, jadi saya sudah buat persediaan untuk bajak sawah sebelum menabur benih. Ramai lagi rakan lain sudah keluar modal untuk membajak, jika lebih luas lagi banyak modal."

"Sehingga sekarang saya masih tertunggu-tunggu tanpa jawapan pasti, sekiranya jarak tempoh membajak dan menabur benih terlalu lama, ia menyebabkan tanah sawah menjadi 'masam' dan tidak sesuai untuk menabur kecuai perlu gemburkan semula tanah," katanya ketika ditemui BH di kampung berkenaan semalam.



Mohd Ahdzair (kiri) Abdullah (tengah) dan Harun menunjukkan sawah milik mereka yang sudah sedia untuk ditabur benih di Kampung Dulang Kechil, Yan. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Mohd Ahdzair yang lebih 30 tahun menjadi pesawah berkata, beliau sudah menempah 30 beg atau 600 kilogram benih padi jenis MR297 daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) namun tiada sebarang maklumat terkini diperolehi.

Seorang lagi petani, Abdullah Yahya, 62, berkata beliau sangat kecewa dengan keadaan yang berlaku sekarang berikutan kelewatan adalah antara paling lama sejak 40 tahun menjadi pesawah.

Katanya, beliau turut bimbang kelewatan menabur benih akan menyebabkan mereka menanggung kerugian pada musim kedua tahun ini.

"Kami bimbang jika musim ini lewat, musim kedua pun akan

jadi lewat dan bertembung dengan musim kemarau, ia menyebabkan padi mudah terkena serangan penyakit dan haiwan perosak selain menjadi hampa (tidak berisi).

"Kami juga ada ditawarkan benih padi jenis 219 tapi ia tidak sesuai ditanam pada musim ini berikutan benih jenis ini tidak tahan lasak berbanding jenis 297, benih padi 219 batangnya lembut dan tinggi menyebabkan

**RM35**

harga benih padi satu beg sekarang

ia mudah rebah apabila ditipu angin kencang apabila tiba musim menuai nanti," katanya.

Sementara itu, EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia, Harun Ahmad, berkata terdapat segelintir pesawah di kampung berkenaan yang sudah menerima benih padi namun mereka perlu menagihkannya proses menabur.

Katanya, ini kerana proses menanam perlu dilakukan secara serentak oleh pesawah bagi mengelak berlaku serangan haiwan perosak dan penyakit tertumpu kepada sawah mereka sahaja.

"Sekarang pesawah sudah menyediakan wang untuk beli benih tapi benih pula tak ada, jadi kami minta kerajaan kaji kembali

supaya penderang benih ini tidak diberikan kepada NAFAS sahaja, ia bagi mengelak masalah yang sama berulang.

"Sekiranya tiada penderang tunggal saya yakin ramai yang berlumba-lumba untuk menyediakan benih yang terbaik dan harga yang berpatutan, yang penting pesawah dapat benih mengikut jadual menanam padi."

"Sekarang walaupun harga benih padi RM35 satu beg berbanding RM42 sebelum ini namun isu kelewatan agihan benih tidak selama ini.

"Pesawah juga perlu tanggung risiko kemungkinan terpaksa menabur dua kali jika benih yang diperolehi tidak menjadi ataupun keadaan asid tanah tidak sesuai," katanya.

## 'NAFAS patut simpan stok benih satu musim'

Dari Muka 1

"Sebab itu kita percaya berkemungkinan ada kartel atau orang dalam yang terbabit apabila syarikat pembekal tertentu masih terus dibenar membekalkan benih,

walaupun bermasalah setiap musim," katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

BH semalam, melaporkan lebih 30,000 pesawah di kawasan MADA berdepan masalah kelewatan menerima benih padi sah, sedangkan

musim penanaman baharu baru bermula dua minggu lalu.

Ini berikutan penderang tunggal benih sah iaitu NAFAS didakwa masih gagal membekalkan benih padi ke kawasan MADA dan sebahagian besar skim tanaman padi di Semenanjung.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, NAFAS sepatutnya menyimpan stok benih padi sekurang-kurangnya satu musim lebih awal dan bukan hanya mengumpulkannya selepas setiap musim penanaman padi selesai.

"NAFAS memang tidak ada pengalaman dalam pengeluaran dan mengurus benih padi, disebabkan itu syarikat pembekal boleh bertindak sesuka hati dan tidak ikut permintaan petani."

"Kami juga percaya stok benih padi sah ini ada disemburby pihak

### Jelapang Padi negara berdepan masalah benih



Keratan akhbar BH, semalam

tertentu yang cuba mengaut keuntungan atas angin kerana harganya boleh mencecah sehingga RM50 seguni di pasaran luar, berbanding harga subsidi hanya RM35," katanya.

Beliau turut mendakwa syarikat pembekal benih padi sah kepada NAFAS turut menjual benih padi untuk tujuan komersial di seluruh negara dan ia sememangnya boleh

diperolehi di kedai pembekal alat pertanian.

"Terdapat banyak jenis benih padi di pasaran termasuk jenis MR297 dan MR219 dijual di kedai pertanian dan memang menjadi kebiasaan petani membelinya jika tidak mendapat bekalan yang cukup daripada NAFAS.

"Disebabkan itu timbul persoalan mengapa benih padi ini boleh dijual di kedai, tetapi NAFAS pula mengatakan mereka tidak mempunyai stok mencukupi," katanya.

Berikutan itu, Che Ani meminta kerajaan bertindak menubuhkan suatu jawatankuasa khas yang dianggotai pegawai kanan MAFI, pakar pertanian dan wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyasat serta menyelesaikan isu berkenaan.



Che Ani Mat Zain, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA

**NAFAS memang tidak ada pengalaman dalam pengeluaran dan mengurus benih padi, disebabkan itu syarikat pembekal boleh bertindak sesuka hati dan tidak ikut permintaan petani**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

## Tambah lagi barangan kawalan, kata bekas Menteri



Bekas menteri pertanian dan industri asas tani Salahuddin Ayub menggesa kerajaan menambah bilangan barangan kawalan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), menjelang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Katanya, hasil makluman dan lawatan yang dibuatnya di Pasar Chow Kit pagi tadi, hanya terdapat 10 barangan yang disenarai di bawah skim harga kawalan berkenaan.

Sedangkan, katanya, di bawah pemerintahan Pakatan Harapan (PH) dahulu, kerajaan mengawal sebanyak 22 hingga 30 jenis barangan setiap kali tibanya musim perayaan.

"Terbukti kita telah berjaya mengawal daripada 22 hingga 30 harga barang keperluan rakyat termasuklah ayam, daging, bawang, lada, telur dan sebagainya.

"[...] Saya rasa tindakan yang lebih proaktif perlu dilakukan. Menteri perlu turun padang, jangan segan untuk menyingsing seluar untuk melihat barang-barang keperluan ini.



"Ini baru 10 yang dikuatkuasakan pada hari ini. Saya rasa banyak lagi barang-barang keperluan yang sememangnya dapat dikawal ..." katanya kepada pemberita, selepas melakukan lawatan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur pagi tadi.

Berdasarkan notis semakan harga yang diterima peniaga pasar, 10 jenis barangan yang dikawal harganya ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, B dan C, daging lembu tempatan, daging kerbau import (India), ikan kembung termasuk ikan mabung, serta ikan selang.

Menurut peniaga yang ditemui, mereka baru menerima notis itu pagi tadi.

Sebelum ini, dilaporkan secara meluas tentang aduan pembeli berkenaan harga ayam yang melambung sehingga RM9.50 sekilogram setelah menjelang musim puasa lebih seminggu lalu.

Susulan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Alexander Nanta Linggi kelmarin memaklumkan kementerianya (KPDNHEP) telah mengadakan libat urus dengan pemilik ladang ayam besar di negara ini, berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi membolehkan penetapan harga ayam standard dilaksanakan.



Hasilnya, harga ayam standard ditetapkan pada harga RM7.90 dalam SHMMP Hari Raya Puasa 2021, yang bermula hari ini sehingga 20 Mei, berbanding RM7.50 pada SHMMP Hari Raya Puasa 2020.

Menurutnya, SHMMP Hari Raya Puasa 2021 berlangsung 30 hari iaitu 22 hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan tujuh hari selepas hari perayaan, sepatutnya melibatkan 12 jenis barangan

membabitkan empat kategori iaitu ayam, telur ayam, daging dan hasil laut.

Kata Salahuddin, kawalan harga pada zaman PH dilakukan dua minggu sebelum tarikh perayaan dan dua minggu selepasnya, merangkumi hari raya puasa, tahun baru Cina, Hari Gawai, Krismas, Deepavali dan lain-lain.

Mengulas mengenai SHMPP yang dilaksanakan hari ini, kata Salahuddin, ia boleh diperbaiki dengan mengadakan perbincangan lebih awal dengan pembekal-pembekal utama sebelum bermulanya puasa.

Hal itu, katanya, akan memberikan keputusan rundingan menang,-menang kepada pembekal dan peniaga agar margin keuntungan yang diraih peniaga tidaklah terlalu kecil.



"Mereka (peniaga ayam di Pasar Chow Kit) kata tadi kalau 30-40 sen (untung), nak beli plastik lagi, bayar kos sampah lagi. Macam dah tak ada untung," katanya.

Salahuddin memberikan usul agar KPDNHEP dan Mafi sepatutnya melakukan rundingan dengan pembekal, sebulan lebih awal daripada tarikh hari perayaan, serta mengumumkan jadual harga kepada peniaga

sekurang-kurangnya dua minggu sebelum kawalan harga dikuatkuasakan.

Peniaga yang ditemui di Pasar Chow Kit memaklumkan bahawa harga ayam standard di situ semalam adalah dalam sekitar lebih RM8.00 sekilogram.

# Kerajaan bukan mahu aniaya peniaga

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan menegaskan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) 2021 bertujuan menyekat perlakuan manipulasi harga oleh peniaga yang tidak beretika dan bukannya untuk menganiaya golongan berkenaan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, penguatkuasaan skim itu yang bermula semalam sehingga 20 Mei ini menggunakan pendekatan seimbang peniaga dan pengguna.

Justeru, katanya, tidak timbul isu kerajaan menganiaya peniaga akibat pelaksanaan skim tersebut kerana terpaksa menanggung kerugian ekoran harga tinggi daripada pembekal.

Sebaliknya, kata beliau, ia memberi manfaat kepada kedua-dua pihak yang mana peniaga mendapat faedah kerana skim itu turut melibatkan setiap rangkaian pengedaran barang bagi mengekang isu orang tengah yang cuba memanipulasi harga semasa berurusan niaga dalam kalangan peniaga sendiri.

"Pengguna pula dapat menikmati harga runcit pada kos yang berpatutan, terutama apabila dalam tempoh kemuncak seperti sepanjang Ramadan dan menjelang perayaan.

"Penetapan harga siling di bawah skim ini adalah berdasarkan sesi libat urus bersama agensi kerajaan berkaitan dengan bekalan dan harga, selain maklu-



ALEXANDER NANTA LINGGI

mat daripada pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong turut diambil kira. Ia menunjukkan penetapan harga siling mengambil kira semua pihak khususnya peniaga," katanya di sini semalam.

Menurut Alexander, kementerian menentukan harga maksimum pengeluar, borong dan runcit berdasarkan kepada maklumat harga daripada beberapa pendekatan iaitu melalui pementauan harga di semua daerah seluruh negara sepanjang tahun lalu hingga bulan ini berdasarkan kepada pungutan harga yang ditetapkan secara mingguan oleh KPDNHEP.

Beliau berkata, turut diambil kira adalah pandangan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan iaitu Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta maklumat daripada pengeluar, pengimport, pembekal dan pemborong.

Beliau menjelaskan, penen-

tuan harga bagi negeri-negeri mengikut kesesuaian harga pasaran semasa dan mengambil kira faktor perubahan harga, khususnya bagi barangan import yang dipengaruhi harga di negara asal, perubahan kadar tukaran mata wang dan peningkatan kos utiliti penternak.

"Pelaksanaan skim ini adalah demi melindungi pengguna daripada perlakuan segelintir peniaga yang tidak beretika menaikkan harga barangan keperluan semasa Ramadan dan menjelang Aidilfitri yang akan disambut pada 13 Mei ini.

"Pelaksanaan SHMMP HRP 2021 ini adalah secara berfasa iaitu fasa pertama melibatkan 12 jenis barang dan fasa kedua melibatkan pertambahan barang.

"Pelaksanaan SHMMP 2021 ini secara berfasa ini adalah bagi menstabilkan harga barang kritikal dan mengekang kenaikan harga daripada terus berlaku. Ia juga sebagai tanda kerajaan mengambil berat dan bertindak atas rungutan pengguna pada masa sekarang," katanya.

Alexander berkata, manamana peniaga yang melakukan kesalahan dan melanggar pementauan SHMMP 2021 akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti iaitu bagi kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 (individu) dan boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000 (syarikat).

# Agropreneur programme encourages self-reliance

Stories by REMAR NORDIN  
metro@thestar.com.my

THE Covid-19 pandemic has made it challenging for people from all walks of life, but getting through months of movement restriction has been even tougher on the disabled.

But instead of waiting for handouts, the Johor Baru OKU Welfare Support Association brainstormed for ways to make ends meet.

The organisation has thus ventured into agricultural entrepreneurship (known as agropreneurship) as a means of generating income to get through these tough times.

Association president Jamaluddin Abdul Malik said the idea to get involved in agriculture came about after members provided their feedback on ways to fend for themselves during the movement control order, aside from relying on government aid.

"Each person with disability has their own challenges to face, and some are unable to venture into other types of entrepreneurship like petty trading or being hawkers as they are hampered by their lack of mobility.

"So we came up with the idea of transforming our members into agropreneurs as this suits each and every person with disability and they can work at their own pace," he said when met at the association's urban farm in Taman Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang.

Jamaluddin said the pilot project, on a 0.4ha land leased from a nearby *surau*, started in January.

"We have about 300 members in our association but we only enlisted 10 of them in the pilot project.

"To date, they have managed to cultivate more than 2,000 cash crops, namely long beans, chillies, lime, lemon and spinach," he said, adding that there were 3,000 more stems that had yet to be planted.

The 43-year-old said the association had managed to use up about 40% of the land and was not able to advance further due to financial limitations.

"We spent close to RM20,000 from our own pockets to transform the bare land into a farm, but it was only after we had gone to such lengths did we realise that

## Urban farming initiative allows the disabled to work at own pace in weathering tough times



Jamaluddin: The idea came from members' feedback on ways to fend for themselves during the MCO.

our ambitions must be based on reality.

"Currently, we are short of RM10,000 for fertilisers, tools for plant maintenance and improvement.

"We also aim to create a more disabled-friendly environment at our urban farm, which will require more funds," he added.

Jamaluddin said he hoped to get assistance from the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) and Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) to improve the urban farm as well as get their input on ways to market the vegetables to a wider customer base.

"The farm is expected to produce its first harvest in June and we have already booked a place to sell our goods at local mini markets besides via petty traders," he explained.

Jamaluddin also said that each member received RM750 every month - RM450 as disabled work-



Mohd Aini finds comfort in being an agropreneur after losing his right foot in an accident.

ers allowance from the Welfare Department (JKM) and RM300 from the association.

"We hope to expand the project to other areas or districts if this pilot project is successful," he added.

One of the workers, Mohd Aini Azmi, 32, who lost his right foot due to an accident, said he wanted to get back to work after taking one year to recover and living on government aid.

"I was in an accident in 2019 and my right foot had to be cut off.

"I was no longer able to go to work. I depended on allowances from Social Security Organisation (Socso) and JKJ for quite some time before deciding that I had to get back on my feet and work," he said, intentionally making the pun.

Mohd Aini explained that his duties at the urban farm included watering plants that the sprinklers could not reach and transferring the plants from the pots they were



Saiful is tasked with cleaning up and arranging the pots for planting.

cultivated in, to the ground.

"It is quite easy because we do not have a target for the day, so we work to the best of our abilities.

"The most important part of our job is teamwork.

"We each have our limitations and need each other's help to carry a plant, dig the ground or clear weeds from the ground," he said.

Another worker, Saiful Ahmad, 22, who lost the ability to use his left arm, said he was tasked with cleaning up and arranging pots for planting.

"I can do light digging and move the small pots when needed.

"And if I need help, I will just call any of my co-workers to help me out.

"This is a better option for me and it is a good chance to learn the best way to cultivate and manage plants on a large scale," he said, adding that a motorcycle accident five years ago led to his disability.



Disabled children working together to harvest vegetables at the Community-Based Rehabilitation Centre's farm in Pagoh.

## Parents urged to work with organisations to unearth disabled children's potential

THE Johor government hopes more parents or caretakers will register their disabled children with the Welfare Department (JKM) or the Community-Based Rehabilitation Centre (PDK) to nurture their hidden potential.

State women, family and community development committee chairman Zaiton Ismail said the department's main focus was on the children and teaching them how to manage on their own when their parents were no longer around.

"Each child is unique and smart, and we as the parents should not deprive them of opportunities."

"We have 72 PDKs in Johor. At PDK Pagoh in Muar, for example, we teach children ways to cultivate plants that are easy to manage and do not require a lot of hard work," she said when met at her office, in Iskandar Puteri.

She said JKM and parents played an important role in nurturing these children and helping them expand their capabilities. "There are parents out there who are shy, but I assure you that our intention is to do what is best for the child."

"We also have classes where parents can participate and bring

home the equipment so that they can continue practising what they have learned," she said, adding that there were 68,000 registered disabled people in the state.

Zaiton said the skills programme was in line with the state government's Johor Prihatin Agenda Initiative, which was announced during last year's state budget presentation.

"The state government has allocated RM150,000 for the training and promotion programmes to improve the current skills of people with disabilities."

"We have also allocated RM100,000 to be used for awareness programmes to reach out to families that have disabled children," she highlighted.

Meanwhile, PDK Pagoh centre manager Fauziah Hassan said the centre had managed to cultivate more than 1,000 plants in its garden since the project was introduced in 2017.

"We have 18 children in our care, but only four have the ability to conduct the tasks."

"The plants we grow include chillies, herbs and ginger," she said.

She disclosed that they could earn some RM3,000 from each harvest.

"The money is used to buy



One of the children at the centre in Pagoh harvesting chili padi.

necessities for the children.

"One of our customer's is the Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin's wife, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman, who bought all of our produce during a recent visit to Pagoh," she said.

Fauziah hoped that the state government would consider moving the centre to a vacant land across from the Pagoh Health Clinic, as this would allow the children to have better healthcare access.

Johor women, family and community development committee chairman Zaiton Ismail showing mushrooms for sale at the Mushroom Farming Project run by the Johor Down Syndrome Association in Taman Bukit Indah, Johor Baru.



that the additional 3,000 bottles had cost around RM9,000.

Alpian said the children also enjoyed spending time learning more about the mushroom cultivation project.

"The supervisor helps prepare the bottles and shows the teachers and children ways to manage and care for the mushrooms."

"The teacher will then monitor each child's step in maintaining

the bottles in terms of controlling the room temperature, harvesting, packaging, labelling and cleaning the rack," he explained.

StarMetro had earlier reported that the Johor government

planned to emulate the mushroom farming project to extend help to associations for the disabled, for them to build a source of income to support their members.